



MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN

KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Sebut Harga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang hanya masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:

BIL	NO. TAWARAN DAN TAJUK	TARAF / KOD BIDANG	SYARAT PENYERTAAN SEBUT HARGA	TARIKH & TEMPAT PENJUALAN DOKUMEN	TARIKH, MASA & TEMPAT TUTUP SEBUT HARGA	HARGA DOKUMEN
1.	<u>MPK/S/P/2026/5</u> MEMBEKAL DAN MEMASANG LED DIGITAL BILLBOARD DI PERSIMPANGAN BANDAR CUKAI. Harga Indikatif Jabatan : RM 500,000.00	Berdaftar dengan : i) Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) Kod Bidang : 222003 / 110104 Tax Compliance Certificate (TCC) adalah dokumen wajib dikemukakan semasa menghantar dokumen sebut harga. <u>LAWATAN TAPAK</u> Tarikh : <u>08/07/2026 (Rabu)</u> Tempat : <u>PERSIMPANGAN BANDAR CUKAI, KEMAMAN.</u> Masa : <u>11:00 pagi</u> Kehadiran : <u>Wajib</u> * Hanya pemilik lesen yang dibenarkan sahaja. Wakil dikehendaki mengemukakan surat perwakilan kuasa semasa pendaftaran.	Hanya penyebut harga yang TELAH MENGEMUKAKAN SLIP BAYARAN SAHAJA akan menerima pautan muat turun melalui e-mel untuk memuat turun dokumen sebut harga Bayaran secara atas talian ke nombor akaun rasmi milik MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN 13026010062591 (Bank Islam) Sila hantar bukti transaksi pembayaran melalui e-mel ke perolehan.mpkemaman@gmail.com Sila nyatakan dengan jelas : i) Nama akaun yang digunakan semasa pembayaran dibuat ii) Nama syarikat iii) Nombor sebut harga iv) Nombor telefon untuk dihubungi v) Salinan sijil pendaftaran MoF	Tarikh mula dijual: <u>08/07/2026</u> Tarikh akhir dijual: <u>14/07/2026</u> (Bukti pembayaran mestilah di e-mel sebelum jam 4:00 petang) Dokumen Sebut Harga boleh dimuat turun (Download) melalui capaian URL (Link URL) yang akan di e-melkan kepada penyebut harga yang telah membuat bayaran sahaja	Tarikh ditutup: <u>16/07/2026</u> Waktu ditutup: <u>12:00 tengah hari</u> Tempat ditutup: Peti Sebut Harga & Tender Kaunter Bersepadu, Tingkat 1, Majlis Perbandaran Kemaman, 24000 Kemaman. Bukti pembayaran mestilah dilampirkan bersama semasa mengemukakan dokumen.	RM 30.00

2. **PEMBELIAN DOKUMEN SECARA DALAM TALIAN** adalah **DIWAJIBKAN** selepas lawatan tapak.
3. Kehadiran ke sesi lawatan tapak adalah **diwajibkan**. Hanya penama di dalam sijil atau lessen sahaja dibenarkan menghadiri taklimat. Wakil hendaklah membawa bersama **Surat Perwakilan Kuasa** semasa menghadiri lawatan tapak.
4. Dokumen sebut harga **hanya akan dijual** kepada penyebutharga yang menghadiri lawatan tapak sahaja. Penyebutharga yang telah mengemukakan slip/bukti pembayaran akan menerima pautan melalui e-mel bagi memuat turun. Bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan.
5. Penyebutharga hendaklah membawa bersama dan menunjukkan kepada urusetia **Sijil SSM, Sijil MOF (Kementerian Kewangan Malaysia)** mengikut kod bidang yang ditentukan semasa menghadiri lawatan tapak. Sijil-sijil berkenaan mestilah **masih sah tempohnya**.
6. Pendaftaran yang tidak lengkap, tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan serta melebihi tempoh masa yang ditetapkan seperti di atas adalah **TIDAK LAYAK** menyertai Tawaran ini. Pihak Jabatan berhak menolak pendaftaran yang tidak lengkap dan keputusan adalah Muktamad.
7. **PEMALSUAN DOKUMEN** di dalam Borang Pendaftaran dan Dokumen berkaitan seperti **Sijil Pendaftaran Kewangan** dan lain-lain dokumen yang berkaitan adalah **TERBATAL**.
8. Dokumen sebut harga yang telah lengkap diisi dengan sempurna dan ditandatangani hendaklah **dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri, dengan nombor dan tajuk sebut harga dituliskan dikirinya dan dihantar dengan tangan sebelum jam 12:00 tengah hari atau secara pos** dan dimasukkan ke dalam peti sebut harga di alamat berikut:

**PETI SEBUT HARGA & TENDER
KAUNTER BERSEPADU, TINGKAT 1,
MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN,
24000 KEMAMAN.**

9. Tawaran yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan sama sekali.
10. Majlis Perbandaran Kemaman tidak terikat menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran atau memberi apa-apa sebab sesuatu tawaran itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas perbelanjaan tawaran ini.
11. Sebarang pertanyaan sila hubungi kami di talian 098597777, sambungan 244 dan 246, melalui WhatsApp 01163197878 atau e-mel perolehan.mpkemaman@gmail.com

**YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN**

Tarikh : 02/07/2026